

## *Mustafa Jabar berhenti sebaik ada pengganti*

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Senator Datuk Haji Mustafa Jabar akan meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung UMNO Malaysia sebaik sahaja ada tokoh yang akan mengambilalih jawatan tersebut.

"Saya hanya akan melepaskan jawatan itu setelah tokoh bakal menggantikannya diperolehi," katanya.

Datuk Haji Mustafa berkata hari ini, beliau akan berunding mengenai perletakan jawatan itu dengan Presiden UMNO yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Datuk Haji Mustafa dijangka meletakkan jawatan tersebut di dalam mesyuarat pertama Majlis Tertinggi UMNO yang baru dipilih tidak lama lagi.

Dalam kenyataannya sebelum ini,

Datuk Haji Mustafa menawarkan jawatan tersebut kepada tokoh yang tidak terpilih dalam merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO baru-baru ini.

Ditanya adakah Tengku Razaleigh Hamzah akan mengambil alih jawatan itu, beliau berkata, "tidak semestinya, tetapi mungkin oleh mana-mana tokoh muda."

Beliau mensifatkan jawatan itu sesuai bagi tokoh muda yang masih bertenaga untuk ke sana ke mari.

Datuk Mustafa, 55 tahun memegang jawatan Setiausaha Agung itu sejak tahun 1978 setelah Datuk Senu Abdul Rahman mengundur diri.

Jawatan tersebut dilantik oleh Presiden parti di samping jawatan Bendahari dan Ketua Penerangan UMNO.